

TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
SRI PERDANA, KUALA LUMPUR
MESYUARAT AGUNG BAKTI YANG KE-16
25 JUN 1993

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Syukur alhamdulillah ke hadrat Ilahi, sekali lagi atas limpah kurniaNya kita dapat berkumpul pada hari ini untuk menyempurnakan Majlis Perasmian Mesyuarat Agung BAKTI yang ke-16. Semoga perjumpaan kita ini dalam awal bulan Muharam, tahun baru Hijrah, membawa manfaat kepada BAKTI amnya dan kepada para hadirin khasnya.

2. Saya mengucapkan selamat datang dan berbanyak terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan, khasnya kepada tetamu kehormat BAKTI tahun ini iaitu Yang Berbahagia Datuk Asiah Abu Samah yang sudi melapangkan masa untuk bersama dengan kita pada hari ini. Kehadiran Yang Berbahagia Datuk adalah suatu kehormatan bagi BAKTI dan tentu sekali BAKTI akan menerima nasihat dan panduan untuk kebaikan kita semua.

3. Mesyuarat Agung BAKTI ini adalah yang ke-16 dan seperti manusia BAKTI mungkin menempuhi masalah-masalah yang biasa dialami oleh kalangan remaja. Namun, dalam sesi 92/93, sempena Ulangtahun ke-15 BAKTI, perayaan-perayaan dan kegiatan-kegiatan BAKTI selepas Mesyuarat Agung BAKTI ke-15 tidak membuktikan adanya masalah remaja.

4. Dua aktiviti yang istimewa yang dilakukan oleh ahli-ahli BAKTI ialah kutipan derma dalam Majlis Makan Malam Himpunan Budi Penyeri BAKTI yang menghasilkan RM2 juta. Daripada kutipan ini, lebih daripada RM1 juta dikembalikan kepada masyarakat seluruh negara sebagai sumbangan BAKTI. Kutipan derma adalah dilakukan dua tahun sekali sahaja dan BAKTI amat terhutang budi kepada semua dermawan yang sangat bermurah hati dan mengingati BAKTI dalam pemberian sumbangan mereka sebagai amal bakti.

5. Yang kedua ialah kejayaan pasukan badminton BAKTI merebut Piala Pusingan Perdana Menteri pada bulan Oktober lalu di Ipoh apabila kita muncul sebagai Juara. Pada tahun ini, pertandingan badminton akan diadakan di Kuching, Sarawak dan BAKTI perlu berlatih kuat untuk mempertahankan kejuaraannya. Harapan kita kali ini agak tipis kerana adanya perubahan peraturan-peraturan pertandingan yang tidak membolehkan lagi pemain-pemain dari luar BAKTI dijemput bermain bersama. Namun, semangat sukan sentiasa membara di kalangan kita dan pasukan BAKTI akan cuba seberapa yang boleh untuk mengekalkan tempat pertamanya.

6. Pendidikan adalah suatu perkara utama bagi BAKTI dan kami tidak lupa memberikan sumbangan kepada individu-individu normal dan cacat, dari sekolah rendah hingga ke universiti. Sumbangan ini diagihkan ke seluruh negara supaya

murid-murid dan pelajar- pelajar berpeluang mendapat ilmu pengetahuan yang akan membantu mereka pada masa hadapan.

7. Tepatlah pada hari ini, BAKTI mengalu-alukan seorang tokoh wanita dalam pendidikan untuk merasmikan Majlis BAKTI ini. Yang Berbahagia Datuk Asiah Abu Samah dari Perak berkecimpung dalam pendidikan dari tahun 1961 hingga Februari 1993 dan berkecimpung akademik B.A. Hons Dip. Eds (1961) dari Universiti Malaya, Singapura, Academic P/Group Diploma in General Linguistics (1965) dari School of Oriental & African Studies, London dan Masters Education (1978) dari Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Datuk Asiah meningkat dalam kerjayanya dari guru siswazah di Pulau Pinang, ke pensyarah di Maktab Perguruan, Kuala Lumpur; Pengetua Kolej Tunku Kurshiah, Seremban; Pengarah Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan; Pengarah Bahagian Perancangan & Penyelidikan Pendidikan, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan dan akhirnya ke jawatan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia pada 27 November 1992. Datuk Asiah telah bersara pada Februari 1993 setelah bertugas dengan penuh dedikasi dan cemerlang bagi meninggikan taraf pendidikan negara.

8. Tidak hairanlah sekiranya Yang Berbahagia dikurniakan K.M.N. pada tahun 1995, J.S.M. pada tahun 1983 dan Dato Paduka Mahkota Perak (D.P.M.P) pada tahun 1988. BAKTI mengucapkan tahniah kepada tokoh wanita kita ini dan berharap pengalaman yang begitu cemerlang yang diperolehi beliau tidak dipendamkan sahaja dalam persaraan beliau. Kami menunggu-nunggu sahaja untuk berkongsi pengalaman- pengalaman Yang Berbahagia Datuk Asiah sebentar nanti.

9. Bagi mengakhiri mengucapkan saya ini, saya mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Jawatankuasa Tadbir yang menguruskan Majlis ini, khasnya kepada ahli-ahli BAKTI yang menyumbangkan juadah bagi kita menikmatinya.

10. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berbahagia Datuk Asiah kerana sudi menyirikan Majlis BAKTI ini dan berucap kepada kita semua.

Sekian, Wassalam.